

09 JUL 1998

Ting-Vandalisme

LAPORKAN PERBUATAN VANDALISME: TING

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini meminta orang ramai melaporkan kepada polis perbuatan vandalisme harta awam yang kini mengakibatkan negara kerugian ratusan ribu ringgit, supaya tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pelakunya.

"Yang amat penting kerjasama orang ramai dan kesedaran sivik mengenai perkara ini... didik anak-anak dari bangku sekolah lagi agar tidak terlibat dengan perbuatan itu," katanya pada persidangan berita selepas meninjau kawasan lanskap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Bukit Jalil hari ini.

Katanya walaupun perbuatan vandalisme masih terkawal tetapi banyak perbelanjaan diperlukan untuk menggantikan semula kemudahan yang dirosakkan atau dicuri seperti merosak dan mencuri bunga, pokok-pokok dan lampu-lampu hiasan.

Datuk Bandar DBKL Tan Sri Kamaruzzaman Shariff berkata kerja pengindahan dan mencantikkan ibu kota terjejas kerana mereka terpaksa memperbaiki atau menggantikan peralatan itu dengan yang baru.

"Satu daripada benda yang selalu dirosak dan dicuri ialah lampu hiasan. Setakat ini anggaran kerugian (lampu hiasan sahaja) ialah RM150,000 dan yang lain termasuk pokok dan alat pancutan air," katanya.

Dr Ting turut memuji DBKL kerana usaha gigih mereka mencantik dan memperindah keadaan DBKL.

"DBKL menerima peruntukan sebanyak RM13 juta daripada kerajaan persekutuan, RM7 juta untuk kerja-kerja lanskap dan selebihnya untuk kemudahan lain bagi persediaan Sukan Komanwel yang berlangsung September ini," katanya.

Menurutnya lagi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa membangkitkan isu kebersihan dan keindahan semasa mesyuarat mingguan kabinet malah beliau sentiasa meninjau sendiri keadaan di sekitar ibu kota.

Dr Ting berkata kementerian menggalakkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menubuhkan satu unit untuk mengendalikan kerja-kerja lanskap kerana setakat ini tidak semua PBT yang mempunyai unit seperti itu.

"Nama (unit itu) tidak penting tetapi ia bertanggungjawab menyelaraskan segala aktiviti berkaitan dengan lanskap dan sebagainya kerana ia (unit) yang cukup penting," katanya.

Ditanya sama ada lanskap dan kemudahan lain akan siap mengikut jadual menjelang Sukan Komanwel nanti, Dr Ting berkata: "Dari segi lanskap dan kemudahan yang lain, ia akan siap mengikut jadual melainkan ada faktor-faktor di luar kawalan."

-- BERNAMA

APG RON